

24 MAR 2003

Parlimen-Iraq (Mahathir)

SERANGAN DI IRAQ CABULI UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA DAN PIAGAM PBB

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan ketenteraan secara unilateral terhadap Iraq telah melanggar prinsip undang-undang antarabangsa dan piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta tidak mempunyai sebab-sebab rasional yang boleh diterima sama sekali.

Perdana Menteri berkata demikian di Dewan Rakyat hari ini yang menengguhkan mesyuaratnya bagi membahaskan dan membincangkan isu serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq.

Dr Mahathir membentangkan usul tujuh perkara yang menggesa anggota Parlimen agar mengutuk sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan secara unilateral terhadap Iraq.

Ia dibentangkan sebaik sahaja sesi soal jawab selesai diadakan.

Beliau berkata Amerika Syarikat dan sekutunya telah melancarkan serangan ketenteraan terhadap Iraq tanpa sokongan dan kebenaran Majlis Keselamatan PBB.

Dr Mahathir berkata: "Tindakan ketenteraan secara unilateral ini merupakan tindakan pre-emptive (serangan lebih awal)...yang bertujuan menukar kerajaan Iraq merupakan pencerobohan ke atas sebuah negara yang bebas dan berdaulat".

Perdana Menteri menggesa Dewan Rakyat mengambil ketetapan untuk mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan unilateral Amerika dan sekutunya terhadap Iraq dan menggesa mereka menamatkan serangan itu dengan serta merta.

Dr Mahathir turut meminta dewan menggesa semua pihak supaya berusaha dan segera kembali kepada proses penyelesaian secara aman dalam memastikan Iraq mematuhi resolusi Majlis Keselamatan PBB, jika didapati benar Iraq memiliki senjata pemusnah.

Dewan juga diminta mengambil ketetapan untuk mendesak Amerika dan sekutunya menghormati hak asasi manusia rakyat Iraq dan prinsip undang-undang kemanusiaan antarabangsa, khususnya Konvensyen Geneva berhubung perlindungan orang awam sewaktu perang.

Malaysia pula akan meminta kerjasama negara-negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan negara yang sependapat untuk mendokong prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam PBB dalam menangani isu berkaitan.

Dewan juga mengambil ketetapan untuk merayu masyarakat antarabangsa supaya menghulurkan bantuan kecemasan kepada rakyat Iraq dengan segera.

"Dewan ini juga membuat ketetapan menyampaikan resolusi ini kepada semua Dewan Perundangan dan Parlimen berkenaan khasnya Amerika, Britain, Sepanyol dan Australia," kata Dr Mahathir.

Timbalan Speaker Datuk Lim Si Cheng, semasa ditemui di luar dewan berkata, tiada had masa ditetapkan bagi anggota Parlimen untuk membahaskan usul itu.

"Selagi ada ahli Yang Berhormat hendak bercakap, kita akan benarkan. Ia mungkin lebih sejam tapi kita jangka ia akan berlanjutan sehingga petang ini dan selepas itu pihak kerajaan akan menggulungnya," katanya.

-- BERNAMA

HS HS MAI